

29 SEP 1999

Mahathir-Pemulihan

KERAJAAN AKAN BANTU PEMULIHAN USAHAWAN BUMIPUTERA

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 29 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan melakukan yang terbaik untuk memulihkan para usahawan Bumiputera yang terjejas akibat kegawatan ekonomi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada Selasa.

Beliau berkata kemerosotan ekonomi bukan hanya menyebabkan masalah kewangan kepada negara tetapi juga memusnahkan hampir semua syarikat Bumiputera yang ditubuhkan sejak tahun 70an untuk mengatasi ketidakseimbangan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Semasa bercakap pada pertemuan dengan masyarakat Malaysia yang diadakan di pejabat misi PBB Malaysia di sini, beliau berkata selepas rusuhan kaum pada Mei 1969 di Kuala Lumpur, kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera sama dengan bukan Bumiputera.

Melalui pelan tindakan yang betul, Bumiputera dengan keupayaan dan kemampuan mereka untuk berjaya, telah dibantu kerajaan selama itu, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata usaha kerajaan telah mencapai kejayaan bukan sahaja membantu mengangkat Bumiputera pada kedudukan ekonomi yang lebih tinggi, tetapi juga membantu mengurangkan ketegangan kaum dan mewujudkan kestabilan politik di Malaysia.

Kemudian kemerosotan ekonomi 1997 melanda negara, yang menurut Perdana Menteri, telah menyebabkan semua usaha yang dilakukan untuk membantu Bumiputera musnah.

"Kemerosotan ekonomi menyebabkan semua usaha itu hancur kerana kebanyakan Bumiputera yang kita bantu, syarikat-syarikat mereka tidak kukuh dan bila menerima tekanan, mereka rebah.

"Kebanyakannya menjadi bangkrap atau hampir bangkrap," kata Dr Mahathir sambil menegaskan semua usaha yang dilakukan kerajaan untuk mengangkat kedudukan Bumiputera setaraf dengan bukan Bumiputera kini terpaksa diulang dari mula.

Bagaimanapun beliau yakin dengan ketabahan semua, kerajaan dan Bumiputera, "kita boleh berjaya sekali lagi".

Dr Mahathir mengajak semua Bumiputera yang kini tinggal di luar negara untuk pulang ke tanahair membantu kerajaan dan menyertai usaha pemulihan ini.

"Adalah merugikan jika semua Bumiputera yang pintar-pintar ini tidak kembali ke tanahair untuk memajukan negara dan bangsanya," katanya.

Perdana Menteri berkata dengan pemulihan ekonomi, pertumbuhan yang diunjurkan kerajaan untuk tahun ini adalah kira-kira 1 peratus tetapi pakar-pakar kini berkata pertumbuhan itu boleh mencapai 3 hingga 5 peratus.

Dr Mahathir yang tiba di New York pada Ahad akan berucap pada Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA), pagi Rabu.

Beliau akan melawat makmal Lucent Bell di New Jersey pada petangnya sebelum berlepas ke London dalam perjalanan ke Zimbabwe untuk menyertai Dialog Antarabangsa Afrika Selatan di Victoria Fall pada 2 hingga 6 Okt.

-- BERNAMA

AHH RON